

K

ECONEWS

PM: BANK TEMPATAN PERLU BERUSAHA MENJADI +PASARAYA KEWANGAN+ SETEMPAT

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama)-- Bank-bank tempatan yang memiliki anak syarikat mereka di Labuan perlu berusaha untuk menjadi +pasaraya kewangan+ setempat supaya Malaysia dan negara-negara jirannya tidak perlu memandangi lebih jauh dari Labuan untuk memenuhi keperluan kewangan luar pesisir mereka.

Berucap pada majlis ulangtahun ke-25 Public Bank Bhd di sini malam ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad berkata, bank-bank tempatan juga perlu memperolehi kemahiran yang tinggi dan kecekapan dalam perniagaan dalam mengurus operasi mereka bagi mengekalkan kedudukan mereka di Labuan.

Beliau berkata, pelancaran Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa adalah sebahagian daripada strategi kerajaan untuk membangun dan meluaskan perkhidmatan kewangan Malaysia untuk menyokong teras negara ke arah wawasan 2020.

Beliau menambah kata, Labuan dijangka akan menjadi jendela kepada Malaysia untuk menarik lebih banyak modal baru asing supaya dapat membiayai program perindustrian negara ini.

Di samping itu, Labuan juga merupakan satu jendela untuk menarik idea dan kepakaran baru dalam bidang pengurusan bank dan ia dapat menambahkan kematangan di dalam sektor kewangan.

Perdana menteri berkata: +Sesungguhnya, apabila bank-bank antarabangsa dari luar negara bertapak di Labuan, bank-bank tempatan akan dapat menandingkan kemahiran mereka dengan beberapa bank terkemuka di dunia.+

+Ia akan merupakan ujian di antara gergasi-gergasi dan hanya bank yang terbaik sahaja yang akan mencapai kejayaan di Labuan,+ tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, selaras dengan dasar kerajaan dalam hubungan Selatan-Selatan dan kerjasama serantau, Public Bank akan mengembangkan rangkaianannya ke Sri Lanka.

Bank itu juga sedang menuju ke arah kemungkinan untuk bekerjasama dengan sebuah bank di Vietnam di mana terdapat peluang pelaburan yang luas.

Selain daripada menawarkan perkhidmatan kewangan, penglibatan Public Bank di kedua-dua negara tersebut akan dapat membantu dalam bidang sosio-ekonomi dan juga mengeratkan perhubungan perdagangan di antara kedua-dua negara tersebut.

Pengerusi Public Bank, Tan Sri Thong Yaw Hong berkata, selaras dengan pertumbuhan kumpulan itu pada keseluruhannya, bank itu telah menembusi pasaran di seberang laut seperti Hong Kong dan New Zealand.

Public Bank juga telah mendapat kelulusan Bank Negara untuk meneruskan rancangannya untuk meningkatkan kehadirannya di lain-lain negara di Asia Pasifik.

Bank itu juga bersedia menyertai dan melabur dalam usaha menggalakkan perusahaan sektor swasta yang berdaya maju dan mempunyai daya keuntungan.

Bank itu pada masa ini mempunyai modal dibenarkan sebanyak \$1,000 juta dan modal berbayar sebanyak \$553 juta. Dana pemegang saham kumpulan ialah sebanyak \$806.06 juta dengan jumlah aset kumpulan sebanyak \$10.7 ribu juta.

Kumpulan itu melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak \$80.69 juta bagi separuh tahun berakhir 30 Jun, 1991.

--Bernama